



JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

SEKATA

JILID 9 BILANGAN 1
JUN 1991

ISSN 0217-4627
ZULHIJAH 1412

- BAHASA DI KALANGAN PENAGIH DADAH
- PENGGOLONGAN JENIS KATA DALAM NAHU MELAYU MUTAKHIR
- PERANAN MASYARAKAT MELAYU TERHADAP PERIBAHASA
- PERKEMBANGAN EJAAN RUMI BAHASA MELAYU BAHAGIAN II

JAWATANKUSA BAHASA MELAYU, SINGAPURA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN
SINGAPURA

**JAWATANKUASA
BAHASA MELAYU
SINGAPURA**

Pengerusi
HAJI SIDEK SANIFF
Setiausaha Kehormat
ALMUDDIN HASHIM
Anggota
YATIMAN YUSOFF
HAJI WAN HUSSIN ZOOHRI
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD
HAJI SURATMAN MARKASAN
Dr. LIAW YOCK FANG
HAWAZI DAIFI
HASHIM YUSOF
AHMAD THANI AHMAD
HARUN A. GHANI
KASMADI HAJI NASIR
MOHAMED NAIM DAIFI
Drs. MASRAN SABRAN
M. RAMAN DAUD
M. RIDWAN KAMARI
SITI HANIFAH MUSTAPHA
HADIJAH RAHMAT

KANDUNGAN

Muka

Daripada Editor

3

BAHASA DI KALANGAN
PENAGIH DADAH

– Harun A. Ghani

5

PENGGOLONGAN JENIS KATA
DALAM NAHU MELAYU MUTAKHIR

– Liaw Yock Fang

13

PERANAN MASYARAKAT MELAYU
TERHADAP PERIBAHASA

– Suradi Parjo

21

PERKEMBANGAN EJAAN RUMI
BAHASA MELAYU

– Bahagian II

– Mohd Naim Daipi

28

**SIDANG EDITOR
SEKATA**

Jilid 9 Jun 1991

Bilangan 1 Zulhijah 1412

Ketua Editor
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Timbalan Ketua Editor
MOHAMED NAIM DAIFI

Editor
HAJI SURATMAN MARKASAN
HARUN A. GHANI
M. RAMAN DAUD

SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan memindai setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada:

Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,
Kementerian Perhubungan & Penerangan,
Bangunan PSA, Tingkat 36,
460, Alexandra Road,
Singapura 0511.

Daripada Editor . . .

Singapura pernah menjadi pusat pengembangan bahasa dan persuratan Melayu bagi Malaya atau Semenanjung Tanah Melayu pada zaman penjajahan dahulu. Banyak pegiat bahasa, sasterawan dan pengarang Melayu yang memulakan kerjaya atau karyanya dan mencipta kemasyhurannya di Singapura, kemudian setelah mereka berjaya lalu berhijrah membawa kemahirannya menabur bakti di luar Singapura.

Singapura telah banyak kali pelopor atau pemula kegiatan-kegiatan kebahasaan dan persuratan Melayu bagi Malaya dan Nusantara; sama ada dengan menjadi tempat pertemuan yang mula-mula mahupun dengan menjadi tuan rumah yang menganjurkan pertemuan dan kegiatan itu.

Pada 12 dan 13 April 1952, Persidangan dan Kongres Persuratan Melayu se-Malaya bagi kali pertama telah diadakan di Sea View Hotel, Singapura, dengan Asas 50, Lembaga Bahasa Melayu, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura dan Trengkas Melayu Institut menjadi panitia penganjurnya.

Apabila Kongres Persuratan Melayu se-Malaya kedua, pada 2 Januari 1954 membuat keputusan hendak mengadakan 'rapat besar' bagi ahli-ahli bahasa dan persuratan Malaya dan Indonesia untuk mempersatukan bahasa Melayu dan sistem ejaan yang terpakai di kedua-dua negara itu, Asas 50 telah diarahkan supaya melaksanakan keputusan itu.

Setelah mengimbau pendapat ahli-ahli bahasa dan sasterawan Indonesia mengenai 'rapat besar itu' itu, menerusi majalah Medan Bahasa

keluaran Maret 1954, Asas 50 telah mengundang ‘kongres kecil’ bagi KPMM2, di pejabat Bintang Publishing House, 24 Onan Road, Singapura, untuk menguruskan penghantaran wakil-wakil KPMM ke Kongres kedua Bahasa Indonesia di Medan mulai 28 Oktober hingga 2 November 1954.

Permulaan kerjasama kebahasaan Malaya-Indonesia yang dimulai dengan menyekatakan sistem ejaan itu telah dirumuskan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya ketiga yang diadakan di Universiti Malaya, Singapura mulai 16 hingga 21 September 1956.

Pertemuan Sasterawan Nusantara yang merupakan forum bagi sasterawan Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura bagi kali pertamanya telah diadakan di Catholic Junior College, Singapura pada 24 dan 25 Disember 1977. Dan, Sidang Wartawan Nusantara yang pertama telah dilaksanakan pula di RELC, Singapura, dengan anjuran Persatuan Wartawan Melayu Singapura.

Melihat rekod-rekod di atas, pasti orang-orang di luar Singapura menganggap bahawa pengembangan bahasa Melayu di Singapura ini cukup pesat; namun, jika kita dengar sungut dan keluh sesetengah pegiat bahasa dan kesusasteraan Melayu Singapura, anggapan itu adalah sebaliknya.

Golongan ini gusar melihat taraf kemampuan penggunaan bahasa Melayu semakin merosot. Mereka gusar akan sikap sesetengah anggota masyarakat Melayu yang enggan bertutur dalam bahasa Melayu hatta dengan sesama orang Melayu sendiri.

Bagaimanapun, hal itu adalah suatu kesementaraan sahaja; sementara mereka itu dalam keadaan ‘tidak sedar’. Selain daripada kempen-kempen bulan bahasa, kita harus ada unit penyedar yang dapat menyedarkan mereka yang tidak sedar itu. Unit ini harus bertindak terus menerus menyelamatkan orang yang kedudahan bahasa asing itu, jangan semata-mata menantikan kempen Bulan Bahasa yang diaturkan dua tahun sekali itu.

Dengan rasa sedar, marilah kita bertutur dengan bahasa Melayu yang betul, mulai sekarang. Mudah-mudahan setelah mahir berbahasa Melayu betul, akan tertingkat pula kemampuan kita sehingga kita mampu bertutur dalam bahasa Melayu tinggi.

BAHASA DI KALANGAN PENAGIH DADAH

Oleh: Harun A. Ghani P.B., P.B.M.

Dalam keluaran sekata Jilid 8 Bilangan 2 - Disember 1990, saya telah memberi contoh sepotong ayat yang dipertuturkan di kalangan penagih-penagih dadah dan daftar kekata yang ada hubungannya dengan sekitaran atau masyarakat penagih.

Alhamdulillah,sambutan pembaca amat menggalakkan terutama sekali di kalangan pendidik dan menjadi dorongan kepada saya untuk mengkaji dan terus mengumpulkan lagi kekata-kekata yang dipertuturkan oleh golongan penagih.

Berdasarkan kekata-kekata yang telah saya daftarkan pada keluaran lalu, ada antara teman-teman saya cuba bergaya dan menggunakan kekata-kekata dalam wacana mereka seperti di bawah ini:-

“Hey Ron, Sate Sembawang lagi best, lu cubalah.” Saya ketawa terbahak-bahak kerana gaya pertuturan dan struktur yang digunakan dalam ayat tersebut amat menggelikan hati saya.

Pembaca tentulah hairan, kenapa saya geli hati apabila mendengar pertuturan yang sedemikian. Di sini biarlah saya memberi penerangan lebih lanjut. Saya salin kembali wacana keluaran lalu berhubung dengan perkataan “sate.”

“Sate di Haig Road, bestlah, tapi keras tau.”

Wacana ini membawa maksud, “*Ganja yang di jual di Haig Road itu adalah daripada jenis baik tetapi sayangnya di tempat itu ramai pegawai CNB atau pun polis.*” Perhatikan frasa “*Sate Haig Road*” dan maksudnya. Kemudian cuba perhatikan frasa “*Sate Sembawang*.” Kedua-duanya frasa nama tetapi membawa maksud yang berbeza dan melucukan. Kalau “*Sate Haig Road*” bermaksud “*ganja yang dijual di Haig Road.*” tetapi “*Sate Sembawang*” pula membawa maksud penagih yang ditahan di Sembawang akan diperiksa seluruh anggotanya termasuklah di dubur oleh Baba (istilah penagih bermakna jururawat lelaki). Pengalaman terkena “*Sate Sembawang*” ini menyebabkan ada antara mereka yang serik dan terus tidak mengambil dadah lagi. Oleh itu kepada pembaca yang mengikuti rencana Bahasa di kalangan penagih dadah haruslah berhati-hati agar tidak berada dalam keadaan yang serba-salah dan ditertawakan oleh golongan yang memahami kebudayaan dan kebahasaan; lingkaran hidup dan laras bahasa golongan penagih.

Dalam rencana kali ini, saya perturunkan senaraikekata baru yang mungkin memberikan maksud yang sama. Kekata tersebut dicipta untuk mengelakkan masyarakat umum menjelak maksudnya. Cuba pembaca amati wacana ini.

Kekata	Maksud	Variasi
Belad	saudara	beb, member, geng
Pakai baju	ambil dadah	nyunyut, berdengung, dll.
Bayar duit air	pergi ke pusat ujian air kencing	melabur atau tengok wayang.

“*Belad, gua tidak pakai baju lagilah, gua tak mahu ponteng bayar duit air. Gua mahu cuci tangan.*”

Kadang-kadang kita hairan juga tentang telatah mereka apabila bahasa dadah yang dipergunakan itu telah diketahui umum, mereka akan menggunakan pula bahasa isyarat iaitu tidak bersuara atau menggunakan gerakan-gerakan anggota tubuh untuk mendapatkan atau memberitahu sesuatu maklumat. Bahasa isyarat ini dipergunakan di dalam pusat pemulihan dan juga di luar, antara pengedar dengan penagih dan antara penagih sesama penagih.

Sila ikuti kekata baru untuk rencana kali ini:-

ISTILAH PENAGIH	SUMBER	MAKSUDNYA	ISTILAH MELAYU	MAKNA ASAL
Air	Ada gangguan			Sejenis cecair
Asap	Tembakau			Gas yang naik dari benda yang dibakar dan boleh dilihat.
Angin	Termenung sahaja			Hawa atau udara (aliran).
Ada cerita	Ada dadah	Ada cerita		Ada kisah atau ada riwayat.
Ada benda	Ada dadah	Ada benda		Ada barang (segala yang ada dalam alam yang berwujud) dan berjasad (bukan roh) zat barang yang berharga.
Anoi	(?)	Sedikit		Tidak banyak, bilangan yang kecil.
Anak		Sedikit		Keturunan yang kedua, bayi, makhluk yang baru dilahirkan.
Barang baik	Dadah yang baik		Barang Baik	Benda, alat Bagus Elok

ISTILAH PENAGIH	SUMBER	MAKSUDNYA	ISTILAH MELAYU	MAKNA ASAL
Barang menendang	Dadah jenis terbaik	Barang Menendang		Benda, alat Menerjang, menyepak, memukul menggunakan kaki.
Baba	Jururawat	Budak		Keturunan Cina peranakan.
Budak bila	Baru – terjebak atau ambil	Bila		Anak, kanak-kanak. Masa, waktu.
Barang bongok	Jawa	Ganja jenis yang menyebabkan pengambilnya seperti orang hodo hodo.	Barang Bongok	Benda, alat Gemuk, tapi pendek – hodo.
Barang ketawa		Ganja jenis yang menyebabkan pengambilnya mudah senyum dan ketawa	Ketawa	Benda, alat Rasa suka dengan mengeluarkan suara, gelak.

ISTILAH PENAGIH	SUMBER	MAKSUDNYA	ISTILAH MELAYU	MAKNA ASAL
Barang berlawan		Ganja jenis yang menyebabkan penghisapnya rancak berbulu atau bercakap	Barang Berlawan	Benda, alat Bertanding, berimbang berbanding, bertempur.
Barang takut		Ganja jenis yang menyebabkan penghisapnya sentiasa berperasaan berterasaan diawas oleh CNB atau polis.	Barang Takut	Benda, alat Tidak berani, bimbang, khutiif.
Barang kebul	Perkataan yang diringkas-kan	Ganja jenis yang menyebabkan penghisapnya sentiasa latar	Barang Kebuluran	Benda, alat Kelaparan
Barang baduk	Perak	Ganja jenis yang menyebabkan penghisapnya kuat makan	Barang Baduk	Benda, alat Boyak, ukuran badan yang tidak seimbang.

ISTILAH PENAGIH	SUMBER	MAKSUDNYA	ISTILAH MELAYU	MAKNA ASAL
Benda	Dadah	Barang	Barang	Barang, alat.
Barang basah	Jenis ganja yang terbaik	Basah	Gali	Benda, alat Mengandung air, tidak kering.
Barang gali	Bunga ganja jenis yang terbaik sekali	Barang	Mengeja	Benda, alat. Korek, buat lubang.
Banyak spelling	Banyak hercakap	Buang		Membunyikan huruf – secara berurutan dalam sesuatu perkataan.
Buang karan	Buang masa sahaja	Karan		Campak, lontar, lempar. Arus elektrik.
Balut	Gulung rokok			Bungkus, barut, hebat.
Baju	Ambil dadah heroin			Pakaian untuk tutup badan.

ISTILAH PENAGIH	SUMBER	MAKSUDNYA	ISTILAH MELAYU	MAKNA ASAL
Belad	Inggeris (Blood)	Teman, kawan, sandara	Darah	Cecair merah di dalam tubuh.
Bom	Inggeris (Boom)	Jenis tablet yang memabukkan	Alat letupan	Gelanggang – tempat ayam berlaga.
Bayar duit air		Pergi ke pusat ujian air kencing	Bayar duit air	Ke Pusat Perbekalan Awam untuk membayar bil elektrik dan air.
Capati	Hindustan	Kena tampus, tempeleng	Capati	Sejenis makanan orang India yang dibuat daripada gandum.
Cair		Tak dapat dadah lagi		Sifat benda yang tidak keras atau padat.
Cuci tangan		Tak ambil dadah lagi, tak mahu campur dalam kegiatan dadah	cuci tangan	Membersihkan tangan dengan cecair.
Cap jari belum kering		Masih mentah dalam dunia dadah		Bekas dakwat di ibu jari yang masih basah.

ISTILAH PENAGIH	SUMBER	MAKSUDNYA	ISTILAH MELAYU	MAKNA ASAL
Cari ejen	Inggeris	Cari orang yang sehaluan	Cari ejen	Berusaha mendapatkan Wakil.
Duduk koswe	Inggeris	Tidak mahu beritahu tempat tinggal	Duduk Koswe	Meletakkan tubuh (punggung); tinggal.
Daun mati		Sudah tidak ada apa-apa yang harus dibuang atau cakap		Jambatan yang menyambungkan Singapura dengan Johor.
Fighter	Inggeris	Kuat makan (di pusat pemulihian)	Kaki gaduh	daun yang sudah kering.
				Suka bergaduh.

PENGGOLONGAN JENIS KATA DALAM NAHU MELAYU MUTAKHIR

Oleh: Liaw Yock Fang

Peng golongan jenis kata adalah satu masalah yang penting dalam kajian tatabahasa Melayu. Sampai hari ini para ahli bahasa masih menggunakan kaedah yang berbeza-beza untuk menentukan jenis kata. Hasilnya sudah barang tentu juga berbeza. Untuk mencari kaedah yang dapat dijadikan pegangan untuk menentukan jenis kata, satu tinjauan tentang kaedah peng golongan jenis kata yang terdapat di dalam berbagai tatabahasa Melayu perlu diadakan. Di dalam makalah ini akan saya cuba mengulas kaedah peng golongan jenis yang terdapat di dalam Nahu Melayu Mutakhir, hasil karya Asmah Haji Omar, profesor ilmu bahasa dan Pengarah Pusat Bahasa di Universiti Malaya.

Nahu Melayu Mutakhir adalah sebuah nahu yang disusun berdasarkan nahu sistem (systemic grammar) yang mula-mula diperkenalkan oleh M.A.K. Holiday pada tahun 60-an di negeri Inggeris. Dalam huraiannya, pendekatan struktural, analisa unsur terdekat, analisa makna komponen (component analysis) dan analisa wacana (discourse analysis) juga diperhitungkan (hal. 5). Sebelum buku ini diterbitkan pada tahun 1980, ia sudah bertahun-tahun dikuliah kepada mahasiswa di Jabatan Pengajian

Melayu di Universiti Malaya. Kini buku itu sudah dicetak ulang tiga kali. Kali terakhir pada tahun 1986. Edisi itulah yang saya gunakan untuk membuat ulasan ini.

Menurut Asmah, kata boleh dimasukkan ke dalam golongan tertentu berdasarkan ciri-ciri sintagmatik dan paradigmatisnya” (hal. 20). Yang dimaksudkan dengan ciri sintagmatik ialah “fungsi kata itu dalam struktur tertentu”. Dengan bahasa yang lebih mudah difahami, Asmah berpendapat bahawa jenis kata boleh ditentukan atau digolongkan berdasarkan fungsi sintaktiknya iaitu apakah kata itu boleh berfungsi sebagai subjek, predikat, objek, komplemen atau ajung iaitu keterangan. Kata yang mengisi fungsi yang sama pasti dapat digolongkan ke dalam jenis kata yang sama. Yang dimaksudkan dengan ciri paradigmatis ialah apakah perkataan itu dapat digantikan dengan perkataan lain. Misalnya;

(i) *Ali* memanggil *Ahmad*.

Bapa

Abang

Saya

Dia

(ii) *Ahmad* memanggil *Ali*.

bapa.

abang.

saya.

dia.

Dalam kedua ayat di atas, *Ali* boleh digantikan oleh *bapa*, *abang*, *saya* dan *dia*. Oleh kerana itu, *Ali*, *bapa*, *abang*, *saya* dan *dia* pasti dapat digolongkan ke dalam jenis kata yang sama (hal. 20).

Berdasarkan ciri sintagmatik dan ciri paradigmatisnya, Asmah berpendapat ada empat jenis atau golongan kata di dalam bahasa Melayu iaitu

1. *Benda* dengan sub-golongan kata nama, ganti nama dan bilangan,

2. *Karyaan* dengan sub-golongan kata sifat,

3. *Adverba*,

4. *Partikel*.

Kata benda, karyaan dan adverba adalah kata sempurna atau leksikal yang mempunyai makna sendiri, kata partikel pula adalah kata struktural yang tidak mempunyai makna tapi dipakai untuk menyatakan hubungan kata dalam ayat (hal. 21).

Sekarang akan saya tinjau jenis atau golongan kata yang dihasilkan oleh Asmah itu satu persatu.

Kata nama, (hal. 27) ganti nama (hal. 77) dan bilangan (hal. 87) digolongkan ke dalam kata benda, kerana kata-kata itu boleh berfungsi sebagai subjek dan objek ayat. Dua fungsi lain iaitu komplemen dan ajung atau keterangan tidak disebutnya.

(a) *Komplemen*

Bapanya itu *kerani*.

Cikgu Manaf itu *guru pengakap*.

(b) *Ajung*

Esok kita pergi ke Pulau Pinang.

Semalam dia pergi menonton film.

Walaupun ganti nama tidak dapat berfungsi sebagai ajung sendiri, tetapi ia dapat bergabung dengan kata depan atau sendi nama untuk berfungsi sebagai frasa keterangan:

Dia mengirim surat kepada *saya*.

Saya cinta *padamu*.

Subjek dan objek sebenarnya bukan fungsi utama kata bilangan. Kata bilangan hanya boleh berfungsi sebagai subjek dan objek kalau kata nama yang terletak di belakangnya dianggap tidak wujud atau sudah dihilangkan; misalnya:

Dua (orang) tidak datang.

Saya bayar tiga (ringgit)

Kalau kata namanya ada seperti kedua ayat di atas, fungsi kata bilangan yang utama ialah sebagai penerang atau modifier. Sesungguhnya kata bilangan adalah salah satu kata penanda (marker) kata nama yang penting dan terdapat di depan semua kata nama.

Kata kerja dan kata sifat dimasukkan ke dalam golongan karyaan, kerana baik kata kerja tak transitif maupun kata sifat tidak mengambil objek:

Burung terbang.

Ahmad rajin.

Seterusnya dikatakan bahawa kata kerja boleh berfungsi sebagai predikat dalam ayat Subjek-Predikat-(objek)-(Ajung). Objek dan ajung atau keterangan adalah unsur optional, ertiinya boleh ada tetapi juga boleh dihilangkan. Huraian Asmah ini tidak ada salahnya. Hanya saja ayat yang mengandungi dua objek dan satu objek yang diikuti komplemen tidak disebut. Ini mungkin menimbulkan salah faham seolah-olah predikat tidak boleh muncul di dalam ayat yang berstruktur.

	Subjek	Predikat	Objek Tak Langsung	Objek Langsung
(i)	Dia	mengambilkan	anaknya	buah rambutan itu
(ii)	Subjek	Predikat	Objek	Komplemen
	Mereka	memandang	kami	hina.
	Saya	namakan	budak itu	Osman.

Memasukkan kata sifat ke dalam golongan karyaan adalah kurang tepat. Walaupun kata sifat mempunyai persamaan dengan kata kerja tak transitif iaitu tidak mengambil objek, tetapi kata sifat mempunyai ciri yang membezakannya daripada kata kerja iaitu boleh mengalami tingkat perbandingan seperti yang dikatakan oleh penulis sendiri (hal. 302). Tambahan pula, kata kerja tidak terdiri atas kata kerja tak transitif saja. Ada kata kerja yang lebih banyak jumlahnya iaitu kata kerja transitif yang memerlukan hadirnya objek. Dan ciri sintakmatik atau fungsi kata sifat langsung tidak disebut. Untuk pengetahuan para pembaca di bawah ini disebut dua fungsi kata sifat yang penting iaitu sebagai komplemen subjek atau predikat sifat dan komplemen objek.

- (a) **Predikat Sifat (komplemen subjek)**
Orang itu *jahat*.


Pelajar itu *bertekun* benar.

- (b) **Komplemen Objek**

Dia menganggap kita *bodoh*.

Tukang mengecat dinding itu *putih*.

Tentang adverba dikatakan bahwa "kata adverba ialah kata yang berfungsi pada ajung ayat dalam struktur Subjek-Predikat-Objek-Ajung" (hal 180).



Huraian ini kurang lengkap. Adverba adalah satu jenis kata yang sangat beraneka ragam sifatnya. Semua perkataan yang menerangkan kata kerja, kata sifat dan kata adverba lainnya boleh dianggap sebagai kata adverba. Tambahan pula adverba itu dapat berpindah-pindah tempatnya di dalam ayat:

Pertunjukkan itu berakhir *cepat sekali*.

Pertunjukkan itu, *cepat sekali* berakhir.

Cepat sekali pertunjukkan itu berakhir.

Kata adverba juga boleh dihilangkan sehingga ayat di atas menjadi:

Pertunjukkan itu berakhir.

Partikel terdiri atas tiga sub-golongan iaitu kata depan, kata penghubung dan kata penegas. Kata depan berfungsi dalam *frasa preposisi* yakni frasa yang unsur pertamanya, ialah kata depan. "Frasa preposisi pula boleh berfungsi dalam ayat sebagai adverba" (186). Sekali lagi huraian Asmah ini kurang lengkap. Kecuali berfungsi sebagai adverba, frasa preposisi masih boleh berfungsi sebagai komplemen subjek dan penerang (attributif):

(a) sebagai adverba

Dia duduk *dengan tenang*.

Dia berasal *dari Medan*.

(b) Sebagai komplemen subjek

Anak-anak *di sekolah*.

Mereka *ke pejabat*.

(c) sebagai penerang

Hubungan *dengan orang kampung* amat mesra.

Keputusan *untuk bersara* sudah diambil.

Kata penghubung (conjunction) "ialah kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa" (hal. 192). Kata penghubung dibahagi kepada kata

penghubung setara (or-ordinating conjunction) atau sendi kata penambah (istilah Za'ba), dan kata penghubung tidak setara (sub-ordinating conjunction) atau sendi kata penambat (istilah Za'ba).

Kata penghubung setara adalah seperti *dan, tetapi, serta, seraya* dan sebagainya yang digunakan untuk menyambung dua ayat menjadi ayat majmuk. Kata penghubung tak setara adalah kata seperti *apabila, selama, sampai, semenjak, kerana* yang terdapat pada "klausa subordinate yang berfungsi dalam ayat induk" (hal. 203). Dengan perkataan, kata penghubung boleh membentuk "klausa adverba yang berfungsi sebagai adverba kepada ayat induk (hal. 350). Penghuraian Asmah tentang kata penghubung cukup baik, hanya saja kata penghubung tak setara dikatakan dapat dibahagi kepada subgolongan yang selaras dengan subgolongan adverba yang dibincangkan dalam Bab 27. Tetapi apabila subgolongan yang dibahas di dalam Bab 27 diteliti, ternyata ada kekeliruan tentang kata depan dan kata penghubung tak setara. Sebagian besar kata yang membentuk frasa adverba di dalam bab 27 itu adalah kata depan kecuali adverba waktu (hal. 323), adverba syarat (hal. 330) dan adverba tolak ansur (hal. 331). Mungkin yang selaras dengan subgolongan kata penghubung tak setara bukan frasa adverba melainkan klausa adverba yang dibincangkan di dalam Bab 28 (hal. 350-352). Saya kutip:

Orang tentu ketawa *apabila* mereka mendengar ceritanya.

Dia lambat tiba *kerana* keretanya rosak.

Satu lagi subgolongan partikel ialah kata penegas seperti *-lah, -kah* dan *tah* (hal. 209). Huraian Asmah ringkas tetapi tepat dan saya tidak hendak membuat apa-apa ulasan tentang bagian ini.

Walaupun imbuhan tidak dijadikan ukuran/kriteria untuk menentukan jenis kata, di dalam buku ini dibincangkan juga imbuhan pembentuk kata nama, imbuhan pembentuk kata sifat dan imbuhan pembentuk kata adverba. Hanya saja dalam perbincangan imbuhan pembentuk kata sifat tidak disebut tiga imbuhan yang banyak digunakan untuk membentuk kata sifat iaitu *pe-, ber-* dan *me(N)-kan* :

1. Tuan Basir itu sangat *peramah*.
Suaminya itu agak *pemarah*.
2. Ramli seorang pelukis yang sangat *berbakat*.
Ucapan guru itu sangat *bersemangat*.
3. Pendapatan dari hasil pada tahun ini agak *memuaskan*.
Bunga ini sungguh *menyeronokkan*.

Tentang imbuhan pembentuk kata adverba pula, hanya disebut *se-* dan *-an*. Dua imbuhan yang penting tidak disebut iaitu *ber-* dan *ter-*:

- (1) Ia bertanya *berulang-ulang*.
Ia pergi *berhari-hari* lamanya.
Mereka masuk *berempat-empat*.
Biduk dipukul orang *bertalu-talu*.
- (2) Ia menangis *teresak-esak*
Orang itu berjalan *terhuyung-huyung*.
Dia berangkat *tergesa-gesa* sehingga tertinggal begnya.
Penumpang *terburu-buru* naik bas.

Demikianlah ulasan saya tentang penggolongan jenis kata yang dibuat oleh Asmah Haji Omar di dalam *Nahu Melayu Mutakhir*. Asmah telah mengemukakan suatu pendekatan yang cukup baik untuk menentukan jenis kata dalam bahasa Melayu iaitu penggolongan jenis kata harus dilihat ciri sintagmatik dan ciri paradigmatis perkataan itu di dalam struktur ayat. Dengan perkataan lain, jenis kata boleh ditentukan berdasarkan fungsinya di dalam pola ayat. Perkataan yang berfungsi sama pasti tergolong ke dalam jenis-jenis kata yang sama dan dapat digantikan oleh perkataan yang segolongan. Segala kritik saya terhadap *Nahu Melayu Mutakhir* tidak lain melainkan untuk menyempurnakan pendekatan ini. Mudah-mudahan ulasan saya ini dapat menolong para pembaca memahami kaedah penggolongan jenis kata yang digunakan Asmah itu dengan lebih baik sehingga akhirnya tercipta suatu pendekatan yang boleh dipakai untuk menentukan jenis kata dengan baik.

PERANAN MASYARAKAT MELAYU TERHADAP PERIBAHASA

Oleh: Suradi Parjo

Menyebut peribahasa Melayu hari ini, sekaligus mengembalikan kenangan kita ke zaman masyarakat Melayu lampau yang unik, kerana dari situlah terpancar sistem hidup atau tata-sosial nenek moyang kita yang hidup dalam satu kelompok masyarakat yang harmoni dan bergotong-royong demi kepentingan bersama seperti yang tercatat dalam peribahasa, “Cangkat sama didaki, lurah sama di turuni. berkuah sama dihirup, bersambal sama mencolet. Berat sama dipukul, ringan sama dijinjing dan Berat sepikul, ringan sejinjing” itu.

Peribahasa Melayu yang dicipta dan disusun oleh orang-orang tua kita dahulu itu, yang secara langsung kini menjadi bahan milik mutlak bangsa Melayu, di samping menjadi sebahagian daripada budaya lama turun-temurun itu; maka kita selaku pewarisnya wajar bersikap positif terhadap peribahasa tersebut agar terpelihara dengan sempurna.

Malah wajar bagi kita menjaganya sebagai satu khazanah warisan kerana peribahasa tersebut, juga merupakan salah satu cabang sastera Melayu yang perlu dipupuk dan dikekalkan kewujudannya.

Kita mestilah gunakan peribahasa itu semampu yang terdaya dalam kehidupan kita sama ada semasa berbual dengan keluarga di rumah terutama dengan anak-anak kita dan dalam penuturan kita sehari-hari dengan teman dan handai, sama ada di tempat kerja atau semasa kita bertemu ke rumah mereka; hendaklah kita membiasakan diri menyisipnyisisip peribahasa yang mudah dan yang kita ketahui semasa bertutur itu, sebagai satu amalan dalam hidup kita.

Sebelum dihuraikan lebih jauh lagi akan peranan masyarakat Melayu terhadap peribahasa ini, marilah kita bermesra-mesra dulu dengannya dari dekat. Yang dikatakan "peribahasa" itu ialah susunan cakap yang pendek atau satu kelompok perkataan yang telah lekat di mulut orang Melayu sejak beberapa lama dulu iaitu pada zaman nenek moyang kita, kerana sedap dan lunak bunyinya semasa didengar di samping tepat pula maknanya, luas pengertiannya dan tepat maksudnya; lantas ia digemari dan dipakai oleh orang Melayu jadi "sebutan lazim" yang digunakan khusus apabila mereka hendak membandingkan sesuatu ataupun jika mereka hendak memberi teladan dan pengajaran.

Peribahasa yang sedang kita bicarakan ini terbahagi kepada dua:

- (1) Peribahasa yang bererti selapis, iaitu yang disebut "bidalan" dan "pepatah". Sebahagian daripada peribahasa yang termasuk dalam kategori ini berbentuk apa yang diucap atau yang dikatakan itu-lah yang dimaksudkan, sekadarkan bahasanya saja yang sering kedapatan agak payah sedikit oleh sebab ringkas atau ianya digunakan dengan perkataan-perkataan lama yang kurang lazim dipakai.

Kini, tatapilah dari contoh-contoh peribahasa selapis yang disenaraikan di bawah ini:

- Lain diniat lain ditakdir.
- Malas bergarit perut lapar.
- Lain diacah lain yang jadi.
- Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.
- Manusia punya asa, tuhan punya kuasa.
- Nak tahukan jahat orang tanyakan kepada seterunya. Nak tahukan baik orang tanyakan kepada sahabatnya.

- Sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu, tiga kali jalan mengena.
- Orang bini-binian anak tak dapat disuruh, orang pindah-pindahan tanaman tak dapat dirasa.
- Icut suka luka, ikut hati mati, ikut rasa binasa.

Manakala "pepatah" pula bentuknya seakan-akan bidalan juga, hanya bezanya bidalan itu berisi dengan pengajaran dan fikiran-fikiran yang bernes dan benar, sedang pepatah ada juga yang terpakai bagi yang tiada berisi apa-apa pengajaran.

Tatapilah contoh yang disenaraikan di bawah ini:

- Biar lambat asalkan selamat.
 - Sedikit-sedikit jadi bukit.
 - Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.
 - Malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan.
 - Hati hendak semua jadi.
 - Hendak seribu daya, orang tak mahu seribu dalih.
 - Biar penat badan asalkan hati suka.
 - Takut kerana salah, berani kerana benar.
 - Rambut sama hitam, hati lain-lain.
 - Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis.
- (2) Kini kita bicarakan pula mengenai peribahasa yang bermakna dua lapis, iaitu yang disebut "perumpamaan".

Peribahasa dalam kategori ini bentuknya ialah: apa yang disebut atau diucapkan tidak sama dengan maksud yang sebenar - tegaskan apa yang dimaksudkan berlainan dari apa yang diucapkan dan tiap peribahasanya pula pada umumnya memakai atau menggunakan perkataan "seperti atau bagai" pada awal sebutannya, juga memakai perkataan "laksana, umpama, macam dan seolah-olah."

Perumpamaan yang sedang dibicarakan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu yang disebutkan perbandingannya dan yang tidak disebutkan perbandingannya. Tatapilah senarai di bawah ini akan

jenis perumpamaan-perumpamaan tersebut, yang dimulakan dengan jenis perumpamaan yang disebutkan perbandingannya.

- Seperti kacang lupakan kulit.
- Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul.
- Seperti kera mendapat bunga.
- Seperti embun di hujung rumput.
- Seperti dilihis dengan sembilu.
- Bagai melukut di tepi gantang.
- Bagai aur di tarik songsang.
- Bagai kaduk kena siram air tahi.
- Bagai tikus membaiki labu.
- Bagai kerbau dicucuk hidung.

Dan kini tatapi pula senarai perumpamaan-perumpamaan yang tidak disebutkan perbandingannya.

- Siapa makan cabai dialah terasa pedasnya.
- Tak tahu menari dikatakan lantai jongkang-jongkit.
- Berapa panjang lunjur begitu panjang selimut.
- Pegang bara api biar sampai jadi arang.
- Tak sungguh seluang melaut, akhirnya balik ke tepi juga.
- Gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar, sudahnya kebebasan.
- Terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau.
- Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
- Orang campak bunga takkan kita campak tahi.
- Tepuk air di dulang, mercik muka sendiri.

Setelah kita bermesra dengan bidalan dan pepatah serta perumpamaan sama ada yang disebutkan perbandingannya dan yang tidak disebutkan perbandingannya, maka kini kita bermesra pula dengan "simpulan bahasa" yang tergolong juga dalam sebutan peribahasa.

Simpulan Bahasa yang baru dibicarakan ini membawa pengertian, satu ungkapan atau rangkaian perkataan yang telah tersimpul atau terbuluh dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya dan tidak boleh diubah-ubah.

Dan tatapi kini senarai simpulan bahasa yang sengaja dipilih dan wujudnya daripada nama anggota kita sendiri, yang diharapkan semoga dapat cepat diingat dan faham maksudnya - sekadar contohnya:

muka tebal	besar hati
muka dua	ada hati
seri muka	kecil hati
beri muka	buah hati
muka tembok.	busuk hati.
mulut murai	liar mata
mulut tempayan	rambang mata
mulut manis	mata jampuk
pembasuh mulut	mata jering
mulut kelembai.	mata kotak.
lidah bercabang	kaki bangku
lidah tak bertulang	kaki minum
masin lidah	jadi kaki
lidah biawak	kaki judi
lidah buaya.	jadi kaki tangan.
pasang telinga	berat tangan
telinga tikus	tangan terbuka
telinga kuali	bekas tangan
telinga tempayan	tangan besi
telinga nipis.	masuk tangan.

Kini dibicarakan pula mengenai "perbilangan" yang tergolong juga dalam sebutan peribahasa. Perbilangan ini seakan-akan bidalan dan pepatah, hanya bezanya ia menggunakan perkataannya berkerat-kerat dua atau lebih, disebut lepas satu satu seperti orang membilang, dan isinya hampir-hampir sudah jadi seperti undang-undang dalam hidup orang Melayu.

Tatapilah senarainya sekadar contoh di bawah ini:

Hidup dikandung adat
mati dikandung tanah.

Kok bertangkai boleh dijinjingkan
kok bertali boleh dihelakan.

Kok bertali tempat menghela
kok berjumbai tempat bergantung
kok bertunggu tempat bersetingkis.

Mengaji daripada alif, membilang daripada esa
sakit bermula, mati bersebab
hujan berpokok, kata berpangkal.

Siapa menjala siapa terjun
siapa hutang siapa membayar
siapa salah siapa bertimbang
siapa membunuh siapa kena bunuh.

Itulah tadi yang disebut peribahasa dan yang dimiliki oleh bangsa Melayu dari zaman berzaman dicipta dan disusun oleh orang-orang tua masih wujud dan dipakai dalam masyarakat Melayu, cuma penggunaannya dan pengalamannya dalam hidup sehari-hari orang Melayu kurang begitu menggalakkan; akibat keadaan sosial dan dasar pelajaran Singapura hari ini.

Yang demikian, kita sebagai pewarisnya wajar bersikap positif terhadap peribahasa warisan nenek moyang kita itu, dengan menggunakan setiap ada peluang, agar peribahasa tersebut yang dianggap unik dan penuh dengan falsafah yang tersirat di sebalik tiap peribahasa itu dapat dihayati oleh kita semua sebagai satu pegangan dalam suasana hidup yang menantang ini.

Di antara jalan yang dapat menyuburkan penggunaan peribahasa dalam masyarakat Melayu ini ialah:

- Setiap keluarga Melayu wajar menggunakan peribahasa yang diketahuinya semasa bertutur atau semasa berbual dengan anggota keluarganya, khususnya kepada anak-anaknya.

- suratkhabar wajar menyediakan satu ruangan khas dua kali seminggu dengan peribahasa, yang diterangkan akan ertiannya serta huraiannya di samping menerangkan kalau kedapatan perkataan-perkataan susah yang dipakai dalam peribahasa itu, dan disekalikan dengan menerangkan maksud ungkapannya dan falsafah atau pengajaran yang dapat diraih daripada peribahasa tersebut.
- manakala di radio pula, elok diadakan satu rancangan khas mengenai peribahasa ini seperti yang telah diadakan beberapa tahun kebelakangan ini, yang dikenali dengan rancangan Mustika Bahasa pada seminggu dua kali siarannya termasuk siaran ulangan - rancangan ini elok dikekalkan.
- para penulis skrip drama Melayu sama ada di radio atau di televisyen diharapkan banyak menyulami dalam katabual dan dalam insiden-insiden yang genting dengan peribahasa-peribahasa yang bertepatan lagi betul. Hal yang seumpama ini akan cepat meninggalkan kesan kepada para pendengar dan penontonnya.
- di samping itu para penulis cerpen dan eseи, digalakkan agar banyak menyisipi dalam karyanya itu, dengan peribahasa yang bersesuaian dan tepat dengan isi yang dibicarakan.

manakala orang ramai perlu digalakkan membeli dan membaca buku-buku peribahasa Melayu yang ada di pasaran, sama ada di kedai-kedai atau di toko-toko buku Melayu untuk menambah pengetahuannya dari segi peribahasa.

Jika hal-hal yang dinyatakan ini, dapat dilakukan oleh setiap yang berkenaan khususnya kita, saya yakin peribahasa Melayu akan dapat dihayati oleh seluruh lapisan bangsa Melayu dan akan mendapat nafas baru dan hidup subur; di samping kedudukannya akan lebih unik dan popular lagi.

PERKEMBANGAN EJAAN RUMI BAHASA MELAYU

Bahagian II

Oleh: Mohd Naim Daipi

EJAAN YANG BERSISTEM

Bagi peringkat ini, kami tandai jangka waktunya pada awal kurun ke-20 iaitu semenjak CH. van Ophuysen yang mengenalkan ejaannya di Indonesia pada tahun 1900 hingga ke zaman sistem ejaan baru, iaitu sistem ejaan yang dipersetujui bersama oleh Malaysia dan Indonesia pada tahun 1972.

Dan, bagi memudahkan penulisan, kami tentukan pembahagiannya kepada dua bahagian, iaitu:

- Sistem Ejaan sebelum Perang Dunia kedua, dan
- Sistem Ejaan selepas Perang Dunia Kedua.

Oleh kerana kami berminat untuk memperlihatkan satu sistem ejaan yang dipakai bersama oleh negara-negara di Nusantara ini sejak tahun 1972, maka kami perturunkan juga perkembangan ejaan rumi di Indonesia.

SISTEM EJAAN SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA (1900 - 1942)

1) SISTEM EJAAN CH, VAN OPHUYSEN (1900)

Seperti di Malaya (Persekutuan Tanah Melayu), sistem ejaan rumi di Indonesia dibuat atau dibentuk oleh para peneliti yang berminat mengkaji bahasa Melayu. Bagi mengelakkan kerancuan atau penulisan rumi Melayu di Indonesia yang tidak bersistem dan menyelaraskan penggunaan ejaan rumi Melayu bagi tujuan-tujuan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Hindia Belanda (Indonesia) maka pemerintah Indonesia pada waktu itu (1900), telah meminta Ophuysen menyusun ejaan Melayu dengan menggunakan aksara Latin.

Dalam usahanya itu, Ophuysen sekadar menggabungjalinkan beberapa sistem ejaan yang telah ada terutama sistem yang pernah diketengahkan oleh para pengkaji bahasa Melayu berbangsa Belanda dan bertolak dari sistem ejaan bahasa Belanda sebagai landasan pokok (lihat Dr. Gorys Keraf, 1970).

Dengan bantuan Engku Nawawi (Soetan Ma'moer) dan Moehammad Taib Soetan Ibrahim, Ophuysen telah berjaya menyusun buku berjudul *Kitab Loghat Melajoe'* pada tahun 1901. Dan, ejaan yang terterap di dalam buku tersebut dikenali sebagai Ejaan Ophuysen atau Ejaan Balai Pustaka. Namun demikian, sistem ejaan Ophuysen ini, terus-terus diperbaiki sehingga mendapat bentuk yang tetap dalam tahun 1926.

Berikut ialah beberapa bentuk penulisan rumi Ophuysen:

1.1 Sistem ejaan Ophuysen menggunakan enam vokal, iaitu a, e (taling), e (pepet), i, o dan oe (bagi melambangkan bunyi u). Sekadar contoh:

emas	[emas]
sate	[sate]
tauge	[tauge]
kamoe	[kamu]
soember	[sumber]
laoet	[laut]

soekoe [suku]

1.2 Sistem ejaan ini menggunakan rangkap konsonan Belanda seperti dj, tj, sj, nj, ch dan lain-lain lagi. Sekadar contoh:

1.2.1 Rangkap konsonan dj:

djoega	[juga]
hoedjan	[hujan]
djandji	[janji]

1.2.2 Rangkap konsonan tj:

tjerita	[cerita]
katjang	[kacang]
tjertja	[cerca]

1.2.3 Rangkap konsonan sj:

sjarat	[syarat]
masjarakat	[masyarakat]

1.2.4 Rangkap konsonan nj:

njaman	[nyaman]
njanji	[nyanyi]
njonja	[nyonya]

1.2.5 Rangkap konsonan ch:

tarich	[tarikh]
tachta	[takhta]
chabar	[khabar]

1.3 Penggunaan tanda terema (:) atau dua titik di atas huruf:

1.3.1 Menandai imbuhan i

dinamai	[dinamai]
mengatasii	[mengatasii]
mengataii	[dikatai]

1.3.2 Menandai huruf yang memulai suku kata

jaïtoe	[iaitu]
äläswad	[al-aswad]
Rabi'oeläwal	[Rabiulawal]

1.4 Penggunaan Partikal 'pun'

Partikal 'poen' [pun] dihubungkan dengan kata yang dihadapannya:

Adapoén	[adapun]
Sekalipoen	[sekalipun]
Merekapoén	[mereka pun]

Berikut, kami turunkan surat contoh yang tertulis di dalam sistem ejaan Ophuysen:

"Bawa meskipoen tidak semoea peroebahan jang dioesoelkan dalam Rantjangan terseboet dapat diterima, dan beberapa diantaranya masih haroes dapat ditinjaoe lagi, sebagai langkah pertama dapat dan perloe diadakan beberapa peroebahan jang maksoednya memboeat edjaan tadi lebih sederhana dan lebih sesoeai dengan keperloean waktoe sekarang dan waktoe jang akan datang."

Minta bantoean oemoem, istimewa bantoen badan2 resmi, kantor2 dan badan2 partikolier, pers dan sebagainya, soepaja edjaan baroe sebagai termaktoeb dalam lampiran ini lekas tersiar dan lekas dipakai dalam soerat-menoerat masjarakat."

Menteri Pengadjaran, Pendidikan
dan Keboedajaan
(t.t.) SOEWANDI
Djakarta, 19 Maret 1947

2) SISTEM EJAAN R J WILKINSON (1902)

R J Wilkinson merupakan pegawai pemerintah Inggeris yang telah menyusun sebuah kamus berjudul 'Malay-English Dictionary' setebal 1300 halaman yang mula diusahakan dalam tahun 1895.

Sistem, yang disusun oleh Wilkinson (kemudiannya terkenal sebagai sistem ejaan Wilkinson) adalah untuk kepentingan persekolahan Melayu di negeri-negeri Melayu Bersekutu atas arahan pemerintah ketika itu (1902).

Sistem ejaan Wilkinson ini berupakan perbaikan daripada sistem ejaan yang digunakan dalam Kamus Maxwell yang banyak menerapkan kaedah tulisan rumi Shellabear, kaedah baba peranakan dan kaedah tulisan rumi Melayu - Belanda.

Sistem ejaan Wilkinson ini menerapkan huruf-huruf vokal a, e (taling), e (pepet), i, o dan u. Begitu juga ejaan Wilkinson menggunakan rangkap konsonan ch bagi menggambarkan bunyi c, sh bagi menggambarkan bunyi sy (ejaan sekarang), kh, ng, ny, th, dh dan dz.

Di dalam buku 'Malay Grammar' karangan R O Winstedt (1914), Wilkinson telah mempertahankan pengejaan 'tuan', bukannya 'tuwan' dan 'ia', bukannya 'iya'. Menurut beliau ejaan tuwan dan iya memberikan idea yang bertentangan dengan fungsi huruf alif. Pemecahan perkataan suwatu berdasarkan suku kata akan membentuk suku-suku kata su dan watu, sedangkan watu bukanlah merupakan suku kata yang tepat dalam perkataan tersebut. Jadi, perkataan tersebut hendaklah dieja sebagai suatu, bukan suwatu.

3) SISTEM EJAAN ZA'BA (1933)

Sistem ejaan Za'ba (ringkasan daripada Zainal Abidin bin Ahmad) ini juga dikenali sebagai ejaan Sekolah. Sistem ini merupakan perbaikan daripada Sistem ejaan Wilkinson. Mengenai hal ini, Za'ba menerangkannya di dalam kata pendahuluan Risalah Petua Ejaan Rumi Melayu di Malaya' diterbitkan oleh Department of Malay Studies, University of Malaya dalam tahun 1955:

"Ejaan Rumi Melayu yang di-atorkan di-sini ia-lah mengikut kaedah yang biasa di-sebut di Malaya "ejaan sekolah", iaitu chara ejaan yang mula2 telah ditetapkan guru besar-nya oleh Tuan R.J. Wilkinson dalam tahun 1902 dan kemudian telah di-pakai-nya dalam kamus Melayu-Inggeris karangannya sendiri, dan juga dipakai dengan sadikit2 ubahan dalam semua kamus Melayu-Inggeris dan Inggeris-Melayu yang disusun kemudian daripada itu, kechualti Kamus Shellabear (1902 - 1916)".

Ejaan Za'ba mengandungi huruf-huruf saksi a, e, i, o dan u serta rangkap konsonan sepertimana yang digunakan oleh Wilkinson. Kecuali Penyelaras penggunaan vokal pada perkataan yang berakhiran huruf k, h, r dan ng. Sekadar contoh:

3.1 Penggunaan huruf vokal e, bukan i:

HURUF K	HURUF H
balek	aleh
balek	leteh
chantek	sireh
tarek	boleh
usek	puteh

3.2 Penggunaan huruf vokal o, bukan u:

HURUF K	HURUF H	HURUF R	HURUF NG
batok	jatoh	ator	sarong
ketok	basoh	kabor	payong
busok	sentoh	ukor	gunong
dudok	suroh	timor	hujong
suntok	bunoh	kubor	ruyong

Peraturan di atas, dikecualikan kepada perkataan-perkataan yang mengandungi rentetan vokal, seperti:

baik	[bukan baek]
naik	[bukan naek]
jauh	[bukan jaoh]
lauk	[bukan laok]
laung	[bukan laong]
aur	[bukan aor]

4) SISTEM FAJAR ASIA (1943)

Sistem ini diperkenalkan oleh pemerintah tentera Jepun dalam majalah Fajar Asia. Sistem ini bertujuan untuk menyeragamkan penulisan ejaan rumi Melayu pada ketika Sumatera dan Malaya disatukan di bawah satu pemerintahan.

Sistem ejaan ini mengekalkan penggunaan konsonan-konsonan Wilkinson/Za'ba tetapi menggunakan vokal Ophuysen kecuali oe digantikan dengan u.

EJAAN RUMI SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

1) SISTEM SOEWANDI (1947)

Sistem ejaan Soewandi atau dikenali sebagai ejaan Republik dikuatkuasakan penggunaannya pada 19 Mac 1947, beberapa bulan sebelum kemerdekaan Indonesia. Ejaan ini dikuatkuasakan atas perintah Mr Soewandi, Menteri Pengajaran, Pendidikan dan Kebudayaan.

Perubahan sistem ejaan Ophuysen kepada ejaan Soewandi ini bersesuaian dengan hasrat Kongres Bahasa Indonesia (1938) agar bahasa Indonesia lebih banyak diinternasionalkan' dan beberapa hal yang kurang praktis dapat segera disempurnakan.

Menurut S. Takdir Alisjahbana (1949), *Ejaan Soewandi atau Ejaan Republik ini tidak banyak bezanya dengan ejaan Ophuysen malahan ejaan Republik dapat kita anggap usaha mempersahajakan ejaan Ophuysen*

Berikut ialah beberapa perubahan daripada sistem ejaan Ophuysen kepada ejaan Soewandi:

1.1 Vokal oe digantikan kepada vokal u

Soekoe	jadi suku
goeroe	jadi guru
laoet	jadi laut
loepa	jadi lupa

oelang jadi ulang

1.2 Meniadakan tanda terema (:) pada akhiran 'i'

melukai	jadi melukai
mengenai	jadi mengenai
dinamai	jadi dinamai

2) SISTEM EJAAN KONGRES (1957)

Sistem Ejaan Kongres (1957) dicapai setelah pembentangan dua kertas kerja yang dibentangkan oleh Angkatan Sasterawan Lima Puluh dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya di Kongres Persuratan dan Bahasa Melayu Malaya III di Singapura pada 16 hingga 21 September 1956.

Sebelum kita memperkatakan tentang Sistem ejaan Kongres ini ada baiknya kita menyorot tentang keputusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu II di Seremban pada 1 dan 2 Januari 1954. Kongres II memutuskan menerima ejaan Rumi sebagai ejaan rasmi bahasa Melayu setelah diadakan satu kajian yang panjang semenjak keputusan Kongres I pada tahun 1952 dulu.

Berikutan dengan keputusan Kongres II itulah, maka usaha menyeragamkan ejaan telah dibincangkan di dalam Kongres III berdasarkan dua kertas kerja yang kami utarakan lebih awal tadi: Berikut, kami turunkan sedikit saranan Angkatan Sasterawan Lima Puluh (ASAS 50) dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) sebelum dikatakan lebih lanjut mengenai sistem ejaan Kongres.

2.1 SISTEM EJAAN ASAS 50

Sistem ejaan ASAS 50 adalah ejaan yang digunakan penulis-penulis ASAS 50 dan penulis-penulis muda angkatan lima puluhan. Sistem ini tidak banyak berbeza dengan sistem Fajar Asia yang telah diperkenalkan pada tahun 1943 dulu.

Antara beberapa cadangan ASAS 50 ialah:

- 2.1.1 Oleh kerana boleh mendarangkan kesukaran bagi menerapkan vokal kembar (diftong) ai dan au seperti dalam perkataan gulai yang boleh mengandungi diftong [gu-lai] dan merupakan kata bentukan [gu-la-i], maka dicadangkan supaya diftong ai digantikan dengan ay, au digantikan dengan aw dan oi digantikan dengan oy. Sekadar contoh:

gulay	[gulai]
cukay	[cukai]
guraw	[gurau]
sawdara	[saudara]
sekoy	[sekoi]
amboy	[amboi]

- 2.1.2 Fonem ch hendaklah ditandakan dengan c sahaja:

cawan
kacang
cantik

- 2.1.3 Rangkap konsonan ng dan ny hendaklah ditandakan dengan ñ dan ñ

paran	[parang]
ngaga	[nganga]
angkasa	[angkasa]
puña	[punya]
ñala	[nyala]
ñoña	[nyonya]

- 2.1.4 Huruf-huruf f, q, v, x dan z boleh digunakan untuk menggambarkan fonem-fonem asing.

2.2 SISTEM EJAAN PBMUM

Sistem ini dikemukakan sebagai cadangan oleh PBMUM di Kongres Persuratan dan Bahasa Melayu Ke-III dalam tahun 1956. Antara cadangan-cadangan PBMUM ini, ialah:

- 2.2.1 Menolak penggunaan huruf-huruf kembar atau rangkap konsonan:

- Digantikan dengan fonem lain, seperti:
 - ch digantikan dengan c
 - ny digantikan dengan ñ
 - ng digantikan dengan ñ
 - sh digantikan dengan x
- Rangkap-rangkap konsonan yang lain seperti dh, dz, gh, kh dan th hendaklah tidak digunakan lagi.

- 2.2.2 Ejaan Malaya hendaklah segera disatukan dengan ejaan Indonesia:

air	[air]
karena	[kerana]
ya-itu	[iaitu]
karunia	[kurnia]
agama	[agama]

- 2.2.3 Memisahkan penggunaan ‘pun’, baik yang bererti ‘juga’ atau sebaliknya.

- 2.2.4 Tidak ada perbezaan antara fonem ‘ain’ dan fonem ‘hamzah’.

2.3 EJAAN KONGRES (1956)

Hasil daripada perbincangan kertas cadangan ASAS 50 dan PBMUM, maka beberapa keputusan telah dibuat dan sistem

yang dipersetujui disebut Ejaan Kongres. Dalam tahun 1957, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan risalah bahasanya dengan judul ‘Kaedah Baharu Ejaan Rumi Bahasa Melayu’. Sistem baru ini adalah merupakan sistem sepenuhnya yang diterima dalam Kongres 1956 itu.

Antara keputusan yang diambil daripada Kongres tersebut ialah:

- 2.3.1 Rangkap konsonan ch digambarkan dengan c,
ng digambarkan dengan ḥ,
ny digambarkan dengan ḥ,
sh digambarkan dengan ṣ.
dan
- 2.3.2 Menerapkan tiga diftong iaitu aw, ay dan oy sebagai menggantikan diftong au, ai dan oi.

3) EJAAN MELINDO

Oleh kerana beberapa desakan daripada pengguna bahasa, maka sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menghalusi Ejaan Kongres dan membuat hubungan dengan pihak Indonesia bagi tujuan penyelarasan. Akhirnya hasrat tersebut menjadi kenyataan apabila sidang pertama antara jawatankuasa Ejaan Rumi Baru Persekutuan dengan Jawatankuasa/Panitia Ejaan (Indonesia) berlangsung pada 7 Disember 1957. Dalam perundingan tersebut satu persetujuan telah diambil berdasarkan kepada gagasan:

- Ejaan yang dipersetujui hendaklah disebut Ejaan Melayu-Indonesia atau singkatannya ejaan Melindo.

Antara persetujuan yang dicapai dalam sistem ejaan Melindo ini ialah:

- 3.1 Sistem ini mengandungi 6 huruf vokal (a,e,e,i,o dan u), tiga diftong (ay, aw dan oy).
- 3.2 Fonem f, s dan z hendaklah digunakan untuk menggambarkan kata-kata asing.

Sistem ini dijangkakan akan digunakan sepenuhnya dalam tahun 1964 tetapi kerana perselisihan politik antara Malaysia dan Indonesia,

persetujuan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Dalam tahun 1966, Jawatankuasa Ejaan Rumi Bahasa Kebangsaan, Singapura telah menatarkan kertas kerjanya di Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura anjuran Lembaga Tetap Kongres yang berlangsung dari 15 hingga 19 September.

Kongres tersebut telah membuat rumusannya bahawa menyedari hakikat bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan Singapura meliputi seluruh Nusantara, maka ejaan merupakan alat untuk penyatu pemakai bahasa di negara-negara seluruh Nusantara. Oleh yang demikian, Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura berpendapat Sistem Ejaan Rumi Bahasa Kebangsaan Singapura hendaklah selaras dengan Sistem Ejaan Melindo sebagaimana yang telah disetujui oleh negara-negara Nusantara.

Selaras dengan itu, Kongres tersebut telah menyarankan agar nama Melindo ditukar kepada Malindos yang bererti Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Antara beberapa saranan lain yang menyentuh dengan sistem ejaan, Kongres Bahasa Kebangsaan ialah:

- 3.3 Ditetapkan penggunaan huruf kembar (rangkap konsonan) dan bunyi yang dipinjam dari Bahasa Arab. Sekadar contoh:

ng	bagi menggambarkan bunyi ḥ
ny	bagi menggambarkan bunyi ḥ
ch	bagi menggambarkan bunyi c
sh	bagi menggambarkan bunyi ṣ

- 3.4 Tanda ain dan hamzah digambarkan dengan huruf k sahaja.

- 3.5 Diftong bagi ejaan bahasa Melayu ialah aw, ay dan oy.

- 3.6 Istilah bahasa asing hendaklah dieja mengikut kaedah pengejaan bahasa Melayu.

Sekadar contoh tulisan rumi yang mengikut ejaan Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura (1966) itu, perhatikanlah kertas kerja Mahmud Ahmad ini:

"Bahasa Kebangsaan Singapura yalah bahasa Melayu moden yang telah dimasuki oleh berbagai unsur bahasa2 yang ada di daerah ini – bahasa2 Cina, India, Inggeris, Belanda, Arab dan juga bahasa2 daerah diseluruh Nusantara. Dengan demikian, walawpun bahasa Kebangsaan itu berasal daripada bahasa Melayu, tetapi penguchapannya lain daripada penguchapan bahasa Melayu tulen. Pada hakikatnya penguchapan bahasa Melayu tulen adalah merupakan dialek daerah bagi bangsa Melayu menurut daerahnya masing yaitu daerah Melaka, daerah Negeri Sembilan, daerah Perak, daerah Kedah, daerah Terengganu, daerah Kelantan, daerah Berunay, daerah Serawak, daerah Sabah, daerah Minangkabau, daerah Maluku dll."

Menyentuh tentang perkembangan ejaan rumi bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura selepas zaman peperangan Dunia kedua sehingga tahun 1966, kami amat tertarik menurunkan coretan Allahyarham Mahmud Ahmad dari teks asal beliau yang tidak dinyatakan tarikh lakarannya. Berikut ialah bunyi coretan tersebut:

"Jika memandang kepada syarat-syarat ejaan Kongres, maka sehingga hari ini belum pernah Ejaan Kongres itu dilaksanakan selengkapnya oleh mana-mana badan atau penerbit di Malaya/Singapura.

Dalam masa Jepun dahulu, datang ejaan Indonesia memakai alphabet dan huruf saksi Inggeris digunakan bagi penerbitan Fajar Asia juga Berita Malai. Saksi oe jadi u, huruf-huruf dj jadi j, tj jadi ch, nj jadi ny, ch jadi kh dan sj jadi sh.

Ahli-ahli ASAS 50 hingga sekarang memakai ejaan ini, dinamakan mereka **Ejaan ASAS 50** yang berasaskan ejaan Fajar Asia itu.

Kalau ada orang menggunakan ejaan ASAS 50 itu, seperti Warta Indonesia yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Indonesia di Kuala Lumpur dahulu, maka itu bukanlah ejaan Kongres. Paling kuat boleh dikatakan Ejaan ASAS 50 atau seperti yang saya katakan tadi – ejaan

Indonesia yang memakai alphabet Inggeris. Dengan ini dapatlah dikatakan bawa apa yang dinyatakan oleh Majalah Dewan Bahasa Jilid VIII, Bilangan 10 (Okttober 1964) yang berbunyi Ejaan sekolah untuk buku-buku yang diterbitkan khusus untuk sekolah dan Ejaan Kongres untuk buku-buku umum **adalah tidak benar**.

Sehingga hari ini Ejaan Kongres belum lahir lagi. Untuk melahirkannya maka risalah ejaan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1958) dahulu mesti dikaji bersama-sama dengan report sementara Jawatankuasa Ejaan Rumi Baharu Persekutuan Tanah Melayu 1959."

4) SISTEM EJAAN BARU (1972)

Seperti yang dinyatakan lebih awal, sistem ejaan Melindo tidak dapat dilaksanakan kerana terbitnya konfrantasi antara Malaysia dan Indonesia. Tetapi usaha ini hanya disambung semula pada tahun 1966 (setelah tamatnya konfrantasi) dan beberapa rundingan telah diadakan dengan menghasilkan kesefahaman yang lebih konkret:

- 4.1 Mengadakan usahasama yang berterusan dalam merancangkan pembinaan bahasa untuk jangka waktu yang panjang,
- 4.2 Meningkatkan bahan-bahan berkenaan dengan bahasa dan sastera, dan
- 4.3 Menyelaraskan pemakaian istilah-istilah.

Akhirnya setelah mengadakan beberapa kali pusingan rundingan, maka pelaksanaan ejaan bersama Indonesia-Malaysia yang dikenali dengan nama Sistem Ejaan baru (di Malaysia) dan Sistem Ejaan yang disempurnakan (di Indonesia) telah diistiharkan penggunaan rasminya pada 16 Ogos 1972.

Sebelum kami membariskan beberapa pencapaian bersama mengenai bidang ejaan ini, ada baiknya disorot akan dua sistem ejaan yang timbul di Malaysia dalam tahun 1971. Kedua-dua sistem tersebut dinamakan Ejaan Sekarang (dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka) dan Ejaan Universiti Malaya (dilaksanakan di Universiti Malaya).

Sistem ejaan Universiti Malaya dikatakan perbaikan daripada sistem ejaan cadangan yang diketengahkan oleh persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dalam tahun 1956 terutama dalam penggunaan x bagi melambangkan bunyi sy. Sedangkan Sistem ejaan Sekarang merupakan hasil dapatan dalam rundingan delegasi Malaysia-Indonesia bagi mencari kesepakatan ejaan di alam Nusantara dan antarabangsa.

Oleh kerana, sistem ejaan sekarang yang merupakan hasil susunan Hassan Ahmad dengan arahan Kementerian Pelajaran Malaysia, maka sistem tersebut telah menjadi pilihan pertama. Begitu juga dengan Universiti Malaya.

Antara kelainan-kelainan sistem ejaan Sekarang dengan sistem Ejaan Baru (1972) ialah:

4.4 Ke ditulis dengan dua cara:

- Ditulis senyawa:

EJAAN SEKOLAH	EJAAN SEKARANG	EJAAN BARU
------------------	-------------------	---------------

kapada	kepada	kepada
ka-sana	kesana	ke sana
ka-kanan	kekanan	ke kanan

- Ditulis terpisah jika diikuti dengan kata nama khas:

EJAAN SEKOLAH	EJAAN SEKARANG	EJAAN BARU
ka-Singapura	ke Singapura	ke Singapura
ka-Katong	ke Katong	ke Katong
ka-Selangor	ke Selangor	ke Selangor

Begitu juga dengan penggunaan di.

4.5 Kata ulangan ditulis dengan dua cara:

- Boleh ditulis dengan angka 2 jika seluruh kata dasarnya diulang:

anak2
budak2
jawatankuasa2
sekali2

- Ditulis dengan menggunakan sempang jika sebahagian kata dasarnya di ulang:

keanak-anakan
mudah-mudahan
kedua-dua
sekali-kali

Berikut pula ialah beberapa perkara yang dipersetujui bersama oleh Malaysia-Indonesia dalam menyelaraskan pemakaian ejaan:

4.6 Keselarasan vokal:

Terdapat 18 keselarasan vokal dalam sistem ejaan baru:

POLA	INDONESIA	MALAYSIA	EJAAN BARU
a-a	basah	basah	basah
a-i	balik	balek	balik
a-u	batuk	batok	batuk
e-a	besar	besar	besar
e-i	betik	betik	betik
e-o	betuk	betok	betuk
e-a	bebas	bebas	bebas
e-e	bedek	bedek	bedek
e-o	besok	besok	besok

i-a	bilah	bilah	bilah
i-i	bilik	bilek	bilik
i-u	biduk	bidok	biduk
o-a	botak	botak	botak
o-e	boleh	boleh	boleh
o-o	bocor	bocor	bocor
u-a	budak	budak	budak
u-i	putih	puteh	putih
u-u	busuk	busok	busuk

Di samping itu terdapat 16 pola yang dikecualikan kerana kekata tersebut merupakan kekata pinjaman: Sekadar contoh:

POLA	INDONESIA	MALAYSIA	EJAAN BARU
a-e	pamer	pamir	pamer
a-o	lakon	lakun	lakon
i-e	tiket	tikit	tiket
e-a	tulen	tulin	tulen

4.7 Penggunaan Rangkap konsonan:

FONEM	INDONESIA	MALAYSIA	EJAAN BARU
j	djalan	jalan	jalan
y	pajung	payung	payung
ny	njonja	nyonya	nyonya
sy	sjarat	syarat	syarat
c	tjakap	chakap	cakap

dan lain-lain lagi

4.8 Menulis rapat partikel 'pun' jika tidak bermaksud juga.

dan lain-lain lagi.

Begitulah beberapa perkembangan sistem ejaan rumi di Malaysia dan Indonesia. Sungguhpun sistem ini telah berjalan lebih daripada 15 tahun,

sementara di Singapura hanya 10 tahun, kekeliruan penggunaan Sistem ejaan baru ini masih terlihat, terutama dalam hal penyelarasan vokal.

Satu hal lain yang dapat dicatatkan di sini ialah sistem Ejaan Baru disebut berdasarkan ejaan, sedangkan ejaan-ejaan sebelumnya, baik di Indonesia maupun di Malaysia, ejaan haruslah disesuaikan dengan sebutan terutama pemakaian istilah-istilah. Bilakah masyarakat dapat menyebut sesuatu perkataan berdasarkan sistem fonemik ejaan baru, masa yang akan menentukan dan tentulah perancangan yang lebih kemas dan tegas dapat menghasilkan sesuatu yang konkret dan baku.

EJAAN OPHUYSEN



*Minta bantoean oemoem, istimewa
bantoen badan2 resmi, kantor2
dan badan2 partikolier, pers
dan sebagainja, soepaja edjaan
baroe sebagai termaktoeb dalam
lampiran ini lekas tersiar dan
lekas dipakai dalam soerat-
menoerat masjarakat.*

EJAAN KONGRES



*Bahasa Kebangsaan Singapura yalah
bahasa Melayu moden yang telah
dimasuki oleh berbagai unsur bahasa2
yang ada di daerah ini - bahasa2
Cina, India, Inggeris, Belanda, Arab
dan juga bahasa2 daerah diseluruh
Nusantara. Dengan demikian, walawpun
bahasa Kebangsaan itu berasal daripada
bahasa Melayu, tetapi pengucapannya
lain daripada pengucapan bahasa Melayu
tulen.*

BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN

1. S. Takdir Alisjahbana - Tatabahasa Baru Melayu Indonesia I, Cetakan pertama di Malaysia, Malaya Publishing, 1964.
2. Zainal-'Abidin Ahmad - Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia I, Cetakan ke-43, Dian Rakyat, 1981.
3. R.O. Winstedt - Pelita Bahasa Melayu, Penggal Pertama, Cetakan ke-4, DBP 1958.
4. O.T. Dussek - Ilmu Mengarang Melayu, Cetakan ke-2, DBP, 1962.
5. Dr. Gorys Keraf - Kamus Bahasa Melayu, Cetakan Pertama, Marican & Sons 1960.
6. Sutomo Tjokronegoro - Malay Grammar, Second Edition, Oxford 1952.
7. Khalid M Hussain & N. Siahaan - Practical Modern Malay, First Edition, MacMillan and Co., London, 1952.
8. Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa - Tatabahasa Indonesia, Cetakan ke-10, Nusa Indah 1984.
9. Lembaga Tetap Kongres - Tjukupkah Saudara Membina Bahasa Kesatuan Kita? P.T. Eresco, Bandung 1967.
10. T. Suran dan Lai Choy - Sumbangan Prof. J. Gonda Terhadap Penyelidikan Bahasa Melayu, DBP 1979.
11. J. S. Badudu - Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957 - 1972, Kumpulan Karangan Daripada Majalah Dewan Bahasa, DBP 1981.
12. - Bahasa Malaysia dan Penyalahgunaannya, DBP 1984.
13. - Kertas Kerja Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura, LTK 1966.
14. - Pengetahuan Am Bahasa Malaysia Pan Earth, Malaysia 1983.
15. - Cakrawala Bahasa Indonesia, Pt. Gramedia, Jakarta 1985.

12. Adnan Jaafar - Bunga Rampai Bahasa dan Kesusastraan Melayu, Pustaka Melayu, 1963
13. Ismail Hussein - Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita, DBP 1984.
14. Nik Safiah Karim (Ed) - Tatabahasa Dewan, Jilid 1, DBP, 1986.
15. Nik Safiah Karim dan Zahrah Buang - Pengantar, Pengajian Bahasa Melayu dan Tatabahasa Bahasa Melayu, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (Stensilan) 1970.
16. Dr Slametmuljana - Kaedah Bahasa Indonesia, Nusa Indah, 1969.
17. Abdullah Hassan - Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia, Fajar Bakti, 1980.
18. Raminah Haji Sabran & Rahim Sayam - (Editor) Rencana Linguistik, DBP, 1978.
19. Harun Aminurrashid - Isu-isu Perancangan Bahasa: Penginelektualan Bahasa Malaysia, DBP 1987.
20. - 30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia, DBP, 1987.
21. - Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan, Fajar Bakti, 1985.
22. - Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Pustaka Melayu, 1966.
23. Jaldin Sanusi - Panduan Mengeja Rumi, Sinaran Bros. 1957.
24. Mahmud Ahmad - Panduan Ejaan Rumi (Kaedah Ejaan Sekolah), Pustaka Melayu, 1964
25. Arbak Othman - Tatabahasa Bahasa Malaysia, Sarjana Enterprises, 1981.
26. Asmah Hj Omar - Perancangan Sistem Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Majalah Dewan Bahasa, DBP, Disember 1981.

- Language Planning for Unity and efficiency: A Study of the Language Status and Corpus Planning of Malaysia, University Malaya, 1979.
- 24. Dewan Sastera - Peraturan-peraturan Ejaan Sekarang Dewan Sastera, DBP, Februari 1971.
- 25. Persatuan Linguistik Malaysia & Gabungan Persatuan Penulis Nasional - Penyatuan Bahasa Melayu Sensusantara, Kertas Kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV, 7-10 Disember 1984.
- 26. Asraf - Sebutan Baku Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Fonemik, Kertas Kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV, 7-10 Disember 1984.
- Ejaan Bahasa Melayu Dengan Huruf Rumi. Memoranda Angkatan Sasterawan '50, Edisi Kedua, Fajar Bakti, 1987.
- Bersama Usman Awang, Memorandum Mengenai Tulisan Rumi Untuk Bahasa Melayu, Memoranda Angkatan Sasterawan '50, Edisi Kedua, Fajar Bakti, 1987.
- 27. Muhd Ariff Ahmad - Sejarah Awal Ejaan Rumi Melayu Berita Minggu Singapura, 22/2/1981, 1 dan 8/3/1981.